


Bahagian A


[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]


Lihat grafik di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang kepentingan pengangkutan awam di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KEPENTINGAN PENGANGKUTAN AWAM


Pengangkutan Udara



Pengangkutan Air



Pengangkutan Darat



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Setiap individu digalakkan supaya mempunyai hobi bagi mengisi masa lapang.
Huraikan faedah-faedah yang diperoleh daripada sesuatu hobi.
- 2 Sesetengah pihak berpendapat bahawa ibu bapa kurang memberikan perhatian kepada anak-anak yang meningkat remaja berbanding dengan perhatian yang diberikan semasa anak-anak di sekolah rendah.
Berikan komen anda.
- 3 Industri kraf tangan seperti anyaman, ukiran dan tenunan semakin berkembang dan mendapat perhatian.
Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk ‘Potensi Industri Kraf Tangan di Malaysia’.
Tulis rencana itu selengkapnya.
- 4 Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa.
Jelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk merealisasikan hasrat tersebut.

5 *Pulau Pandan jauh ke tengah,
 Gunung Daik bercabang tiga;
 Hancur badan dikandung tanah,
 Budi yang baik dikenang juga.*

Pantun di atas bermaksud budi dan jasa seseorang itu akan tetap dikenang walaupun sudah meninggal dunia.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud pantun tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

1103/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Jun

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT



Soalan 1 : Rumusan**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang kepentingan berpeluh kepada manusia dan cara-cara menggalakkan masyarakat melibatkan diri dalam aktiviti yang mengeluarkan peluh. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Dalam suasana kehidupan di bandar, kebanyakan penduduknya tidak suka akan pekerjaan yang terlalu banyak mengerah tenaga. Mereka lebih suka bekerja di pejabat tanpa mengeluarkan peluh. Sikap ini perlu diubah kerana pakar perubatan telah membuktikan bahawa berpeluh amat penting untuk penjagaan kesihatan. Hal ini demikian kerana peluh mengalirkan kotoran keluar daripada tubuh dan tidak membiarkan bahan toksik bergelumang dalam darah.

Berdasarkan sistem biologi tubuh manusia, orang yang sering berpeluh akan mempunyai kulit yang lebih bersih. Kulit manusia yang mengalirkan sisa toksik keluar daripada badan menjadikannya berfungsi sebagai ginjal ketiga tubuh manusia. Kulit yang berpeluh akan membuang kotoran yang sama banyak dengan kerja yang dilakukan oleh ginjal selama 24 jam. Peluh yang keluar dapat mengekalkan keanjalan kulit secara semula jadi. Kadar peluh yang keluar itu dikawal oleh sel saraf di bahagian otak yang mendapat input daripada reseptor yang mengesan suhu pada permukaan kulit. Tujuan pengeluaran peluh ini adalah untuk menyejukkan tubuh badan kerana peluh dapat mengimbangkan suhu tubuh supaya kekal stabil. Oleh sebab itu, terapi peluh dilakukan di rumah mandi wap sebagai salah satu cara perubatan tertua yang diamalkan turun-temurun dalam pelbagai budaya di dunia seperti *sauna* di Finland, *hamam* di Timur Tengah, *sifatu* di Afrika, dan *sento* di Jepun. Selain menggunakan air panas dan wap untuk merembeskan peluh, mandi wap juga dapat menenangkan perasaan. Di samping itu, rembesan peluh dapat mencegah penyakit ekzema dan jerawat yang berpunca daripada liang rompa yang tersumbat.

Seseorang yang bekerja di pejabat dalam jangka masa yang lama, tanpa mengeluarkan peluh, sering berasa letih. Sehubungan dengan itu, mereka perlu sedar akan kepentingan berpeluh. Kajian perubatan telah membuktikan bahawa berpeluh sebenarnya dapat mengurangkan keletihan di samping untuk membuang asid laktik yang terkumpul dalam otot. Selain melalui najis dan kencing, bahan urea atau sisa metabolisme juga dinyahkan dengan cara berpeluh. Perlu diingat bahawa sisa urea yang terkumpul dalam tubuh boleh menyebabkan sakit kepala dan loya. Jika jumlahnya banyak dan dibiarkan terkumpul terlalu lama pula, bahan kotoran itu boleh mengakibatkan koma serta kematian.

Tidak dapat dinafikan bahawa banyak sekali kebaikan berpeluh dalam kehidupan seharian. Sesungguhnya, setitik keringat yang mengalir pada kulit bukanlah sesuatu yang remeh dan boleh disekejauhi begitu sahaja sebaliknya *menyimpan pelbagai hikmah* tentang kesihatan.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Bukan Sekadar Keringat'
oleh Saharil Hasrin Sanin
Dewan Kosmik, November 2009)

Soalan 2 : Pemahaman**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menyimpan pelbagai hikmah*. [2 markah]

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kesan yang akan dialami oleh seseorang jika tidak berpeluh.
Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]

- (iii) Pada pendapat anda, apakah alasan-alasan yang sering diberikan oleh sesetengah individu yang tidak suka badannya berpeluh?
Berikan **tiga** alasan. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pak Ismawan tunduk. Dia diam buat beberapa ketika. Lepas itu dia memandang wajah Irna. “Bapak izinkan. Nak Irna boleh menyimpannya. Raket itu sudah tidak berfungsi lagi dalam keluarga kami. Pemiliknya sudah tidak ada. Mudah-mudahan engkau dapat menyambung cita-cita dan keinginan Iswan, nak.” Pak Ismawan bergegas masuk ke dalam.

Irnawati tunduk sendirian. Khayalannya mengimbau jauh. “Sifat pengasihmu akan memudarkan bakat dan kecemerlanganmu. Jangan tangguh-tangguh. Tumpaskan musuh secepat mungkin. Ini dasar perlawanan dan akan mengangkat bakatmu dan kecemerlanganmu melonjak.”

“Irna jangan lupa. Penonton yang penuh sesak di stadium itu mahu melihat perlawanan. Mereka ingin mempelajari teknik dan kecekapan pemain. Kalau saya mengalahkan lawan saya dalam sepuluh minit, memang dapat, tapi mereka akan kecewa. Mereka berasa tidak puas. Jangan lupa, mereka itu ada yang datang beratus-ratus kilometer. Kalau permainan tamat dalam tempoh sepuluh minit, tidak setimpallah susah payah mereka datang. Pada saya, bermain ini harus ada strategi, bukan saja pada lawan, tapi juga pada audiens.”

(Dipetik daripada
cerpen ‘Tragedi’
oleh Amil Jaya
dalam antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan sebab-sebab Iswan tidak mahu mengikut nasihat Irnawati agar menumpaskan lawannya secepat mungkin. [2 markah]
- (ii) Pak Ismawan berharap agar Irnawati dapat menyambung cita-cita Iswan untuk menjadi ahli sukan yang berjaya.
Sekiranya anda Irnawati, apakah cara-cara yang dapat anda lakukan untuk menunaikan hasrat Pak Ismawan tersebut? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai murni dalam petikan cerpen di atas dan **satu** nilai murni lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti; kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sembah segala orang besar-besar, “Anak raja mana yang hendak tuanku pinang supaya patik sekalian kerjakan?”

Maka titah Sultan Mahmud, “Jikalau beristeri sama anak-anak raja ini, ialah raja-raja lain pun demikian juga; yang kita kehendaki, barang yang tiada pada raja yang lain, itulah hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia kita titahkan.”

Maka sembah Laksamana dan Sang Setia, “Baiklah, tuanku.”

Maka Tun Mamat dititahkan dahulu membawa orang Inderagiri akan menebas jalan, kerana Tun Mamat penghulu orang Inderagiri. Maka Laksamana dan Sang Setia pun pergila bersama-sama dengan Tun Mamat.

Hatta, beberapa lamanya di jalan, maka sampailah ke kaki Gunung Ledang. Maka Laksamana dan Sang Setia dan Tun Mamat dengan segala orang sertanya naiklah ke Gunung Ledang merentang atap membawa jalan. Akan jalan itu pun terlalu sukar, angin pun bertiup terlalu keras. Baru kira-kira bertengah gunung itu, maka tidaklah ternaiki lagi oleh segala mereka. Maka kata Tun Mamat pada Laksamana dan Sang Setia, “Berhentilah orang kaya semuanya di sini, biarlah beta naik.”

(Dipetik daripada
‘Peminangan Puteri Gunung Ledang’
dalam antologi *Anak Laut*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan titah Sultan Mahmud kepada pembesar-pembesar baginda. [2 markah]
- (ii) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh rombongan Laksamana semasa mendaki Gunung Ledang? [3 markah]
- (iii) Puteri Gunung Ledang berbeza daripada puteri-puteri raja yang lain.
Pada pendapat anda, selain faktor tersebut, mengapa Sultan Mahmud ingin mengahwini Puteri Gunung Ledang?
Berikan dua sebab. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 2(d) – Seloka

Baca seloka di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

SELOKA PAK KADUK

Aduhai malang Pak Kaduk
Ayamnya menang kampung tergadai
Ada nasi dicurahkan
Awak pulang kebuluran
Mudik menongkah surut
Hilir menongkah pasang;
Ada isteri dibunuh
Nyaris mati oleh tak makan
Masa belayar kematian angin
Sauh dilabuh bayu berpuput
Ada rumah bertandang duduk.

Antologi *Anak Laut*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berikan maksud

*Mudik menongkah surut
Hilir menongkah pasang.*

[2 markah]

- (ii) Pak Kaduk bernasib malang kerana banyak membuat keputusan yang salah dalam tindakannya.

Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang patut dilakukan oleh seseorang supaya tidak membuat keputusan yang salah? [3 markah]

- (iii) Jelaskan **dua** pengajaran yang terdapat dalam seloka tersebut. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**[30 markah]****Jawab semua soalan.**

- (a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) baku
- (ii) beku
- (iii) cacat
- (iv) catat
- (v) telor
- (vi) telur

[6 markah]

- (b) Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.

- (i) Masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat yang pelbagai kaum.
- (ii) Semua murid diminta supaya berkumpul di dewan sekolah selepas waktu rehat.
- (iii) Apakah rancangan awak selepas tamat persekolahan nanti?
- (iv) Janganlah merokok kerana amalan itu membahayakan kesihatan.
- (v) Wah, segaknya awak apabila berpakaian seragam pengakap ini!
- (vi) Semangat patriotik anak-anak perlu dipupuk sejak mereka kecil lagi.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Senarai kemasukkan murid ke sekolah berasrama penuh lazimnya akan diketahui pada bulan Februari.
- (ii) Sesaorang yang mempunyai kadar kolesterol yang melebihi, berisiko tinggi menghidapi penyakit jantung.
- (iii) Dalam persidangan tersebut, semua ketua delegasi telah bersetuju untuk penubuhan sebuah sekretariat bagi menangani isu-isu hak asasi manusia.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pegawai kedoktoran yang dijemput dari Kuala Lumpur itu menerangkan tentang cara-cara Pencegahan penyakit demam denggi.
- (ii) Sebahagian peserta-peserta dalam pertandingan pidato itu amat becek sekali hingga menyukarkan para hakim memilih pemenangnya.
- (iii) Rakyat Malaysia perlulah saling bantu-membantu dalam usaha memupuk sikap perpaduan kaum.

[6 markah]

(e) Berikan maksud peribahasa di bawah.

- (i) Besar pasak daripada tiang
- (ii) Cepat kaki ringan tangan
- (iii) Pantang berundur sebelum berjuang

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

Soalan 4 : Novel**[15 markah]**

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda kaji, ceritakan kandungan novel itu secara ringkas. **[7 markah]**
- (b) Sesebuah novel dapat memberikan pengajaran kepada para pembaca. Huraikan **dua** pengajaran yang dapat anda peroleh melalui sebuah novel yang telah anda kaji. **[8 markah]**

KERTAS SOALAN TAMAT